

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)

## Ingin tahu *net neutrality*

**P**RESIDEN Amerika, Barrack Obama sering memperkatakan isu *Net Neutrality*. Apakah yang dikatakan *Net Neutrality* itu?

- FARHAN, Kota Kinabalu.

*NET Neutrality* juga dikenali sebagai *network neutrality*, *Internet neutrality*, atau *net equality*. *Net neutrality* merupakan satu prinsip yang memberi kesamarataan capaian data menerusi Internet kepada semua pengguna tanpa membezakan antara syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan Internet atau agensi-agensi kerajaan.

Prinsip kesamarataan capaian Internet dengan caj penggunaan perkhidmatan Internet yang sama tanpa membezakan jenis pengguna, isi kandungan, laman web, platform, permohonan, jenis peralatan yang digunakan atau kaedah komunikasi menerusinya.

Istilah *Net neutrality* ini dicipta oleh seorang profesor undang-undang media dari Universiti Columbia iaitu Profesor Tim Wu pada tahun 2003. Ia merupakan satu terma kesinambungan daripada satu konsep lama yang dikenali sebagai *common carrier*.

Ia mengekalkan hak kita untuk berkomunikasi secara bebas dalam talian. Ini adalah definisi Internet terbuka atau popular dikenali sebagai langit terbuka satu ketika dahulu sehingga ada sebuah universiti awam di Malaysia mencabut semua pagar-pagar yang mengelilinginya.

*Net neutrality* ertinya satu situasi persekitaran Internet yang membolehkan dan melindungi kebebasan bersuara.

Ini bermakna bahawa pembekal perkhidmatan Internet (ISP) perlu memberikan satu capaian internet atau rangkaian terbuka dan tidak menghalang atau diskriminasi terhadap mana-mana aplikasi atau kandungan yang naik ke atas rangkaian.

Sama seperti syarikat telefon mudah alih ketika ini yang capaiannya merangkumi kesemua operator telefon mudah alih yang berkongsi kemudahan capaian talian telefon mudah alih secara sama rata. Sebelum ini, ada operator telefon mudah alih yang terkenal capaian terbaik di kawasan kampung-kampung, ada yang terkenal capaiannya bagus di kawasan bandar. Namun begitu, sekarang perkara ini tidak berlaku lagi.

Tanpa konsep *Net neutrality*, syarikat-syarikat kabel dan telefon boleh milarikan Internet ke talian jalur secara cepat dan lambat. Syarikat-syarikat ISP boleh melambatkan kandungan pesaingnya atau menghalang pendapat politik yang tidak dipersetujui.

Syarikat ISP ini boleh mengenakan bayaran tambahan kepada beberapa syarikat penyedia kandungan yang mampu membayar lebih untuk langganan perkhidmatan yang istimewa.

Perbezaan capaian perkhidmatan yang disediakan ini boleh merendahkan status syarikat lain yang menggunakan perkhidmatan capaian internet yang lebih perlakan. Ini akan berupaya memusnahkan konsep capaian internet terbuka.